



**LEMBAGA LADA MALAYSIA**  
**(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan bertaraf kontrak (*Contract For Service*) di perkhidmatan Lembaga Lada Malaysia seperti berikut:

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	BILANGAN KEKOSONGAN / STESYEN	GAJI (RM)
1.	Pembantu Awam Gred H11	Kontrak ( <i>Contract For Service</i> )	Ibu Pejabat (5), Pejabat Wilayah Sarawak (12)	RM1,218.00 - RM2,939.00

**CARA MEMOHON DAN CATATAN AM**

- a) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara **atas talian** melalui **e-jawatan MPB** melalui laman web :<http://ejawatan.mpb.gov.my>.
- b) Maklumat lanjut berkaitan kelayakan serta syarat-syarat yang diperlukan dan deskripsi tugas bagi setiap jawatan boleh didapati di portal rasmi kami di [www.mpb.gov.my](http://www.mpb.gov.my) atau di mana-mana pejabat Lembaga Lada Malaysia.
- c) **Tarikh Permohonan Dibuka: 10 Ogos 2022 (Rabu)**
- d) Pemohon yang memohon secara atas talian adalah dikehendaki membawa bersama sijil/dokumen asal beserta salinan sijil/dokumen sekiranya dipanggil menghadiri temuduga.
- e) Sekiranya pemohon tidak dipanggil untuk menghadiri temuduga dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- f) **Tarikh Permohonan Ditutup: 30 Ogos 2022 (Selasa)**

  
**(JENNY GEORGE)**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Lembaga Lada Malaysia

Tarikh: 9 Ogos 2022

## SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN BUTIRAN TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB

### A. JAWATAN PEMBANTU AWAM GRED H11

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- iii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- iv) Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- v) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik;
- vi) Keutamaan diberikan kepada calon-calon berumur kurang dari 35 tahun pada tarikh tutup permohonan, sihat tubuh badan, penglihatan yang baik, tidak rabun warna, boleh bekerja pada luar waktu pejabat dan di luar stesyen apabila diperlukan.
- vii) Tugas dan Tanggungjawab:
  - a) Menjalankan aktiviti pemprosesan di Loji;
  - b) Membantu pegawai yang berkaitan dalam menjalankan tugas keselamatan di kawasan pejabat;
  - c) Membantu dalam menjalankan tugas-tugas pembersihan dan penyelenggaraan pejabat serta kawasan pemprosesan; dan
  - d) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa.